

10/12/2001

Dunia perlu sepakat definisi pengganas

Azhar Abu Samah; Khairul Anwar Rahmat

TIDAK mungkin pengganas sengaja atau mahu mengorbankan diri tanpa sebarang tujuan. Mereka sanggup memasang bom pada badan atau mengorbankan diri dengan menghempaskan kapal terbang. Pasti ini dilakukan dengan motif tertentu.

Seperti kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan Persidangan Mengenai Keganasan di Kuala Lumpur, baru-baru ini: "Sama ada kita suka atau tidak, kita perlu belajar untuk memahami fikiran mereka jika mahu berdepan dengan mereka, bersemuka, menghapus atau menghentikan keganasan."

Namun, timbul persoalan yang masih tidak dapat dirungkaikan kerana masing-masing negara sama ada Amerika Syarikat, Britain atau Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mempunyai takrifan keganasan dan pengganas sendiri.

Belum ada kesepakatan dunia mengenai definisi keganasan dan pengganas.

Siapakah pengganas? Pengertian sebenar makna pengganas penting kerana ia membawa dua pengertian berbeza mengikut kepentingan sesuatu kelompok yang melabelnya.

Pengganas bagi kelompok tertentu mungkin menjadi idola atau pejuang kebebasan bagi pihak lain.

Lebih memeningkan apabila kelompok yang dilabelkan sebagai pengganas sebelumnya bertukar menjadi kelompok dihormati selepas itu. Ini bermakna, definisi pengganas boleh bertukar mengikut keadaan dan kepentingan kelompok atau negara tertentu.

Misalnya, tiga kumpulan pengganas Zionis di Palestin - Jewish Hagana, Irgun atau juga dikenali Etzel dan Stern Gang - yang sebelum ini diburu Britain berubah menjadi kelompok dihormati, malah komander Stern Gang, Yithzak Shamir dilantik sebagai Menteri Luar Israel.

Selain itu, Jomo Kenyatta dan Robert Mugabe, masing-masing Presiden Kenya dan Presiden Zimbabwe, pernah digelar ketua pengganas oleh Britain sebelum menjadi ketua negara.

Begitu juga Tentera Republik Ireland (IRA) yang pada mata kerajaan Britain sebagai kumpulan pengganas, tetapi disifatkan pejuang kebebasan oleh rakyat Amerika serta diberikan sokongan dan bantuan kewangan.

Dr Mahathir menyifatkan perbezaan persepsi masyarakat antarabangsa menyebabkan dunia sukar bekerjasama untuk menentang keganasan.

Ketika ada negara memburu individu atau kelompok yang didakwa pengganas, ada pula negara lain yang membantu mereka dengan memberikan perlindungan kerana bagi negara terbabit, mereka bukan pengganas.

Ketika ini, Barat yang diketuai Amerika lebih suka menuding jari kepada individu atau kumpulan dari negara Islam apabila menyentuh soal pengganas.

Kejadian pengeboman bangunan Pusat Dagangan Dunia dan Pentagon di Amerika turut dikaitkan dengan Islam hanya kerana pelaku dan perancangnya didakwa sebagai Osama bin Laden, iaitu seorang Islam.

Dr Mahathir dalam hal ini menegaskan: "Jika kita mahu menentukan siapakah pengganas dan siapa yang bukan, kita perlu berdasarkan tindakannya dan bukan orang atau kumpulan, bangsa atau agama."

Sayangnya, apabila membabitkan penduduk Islam seperti rakyat Palestin yang dibunuh setiap hari oleh tentera Israel, pembunuhan rakyat Islam Bosnia-Herzegovina oleh Serb, pembunuhan orang Chechen oleh tentera Russia, penduduk Islam Kosovo oleh Serbia serta serangan berterusan Amerika dan Britain ke atas Iraq, PBB atau Amerika tidak langsung menyebut

soal keganasan agama.

Mereka sebaliknya berusaha menghalalkan tindakan itu dengan memberikan pelbagai alasan.

Dengan beberapa siri keganasan di seluruh dunia, sudah tiba masanya dunia mencapai kata sepakat dalam soal definisi mengenai keganasan.

Ini kerana apabila ada persetujuan awal mengenai keganasan, ia mudah untuk mengenal pasti siapa pengganas. Sebagai pengganas, mereka sepatutnya dihapuskan, diburu, ditangkap, dibicara dan sewajarnya dihukum.

Perlu diakui, usaha mengesan dan memburu pengganas mengambil masa lama dan sukar. Namun, dunia perlu mengetahui punca keganasan. Ini perkara pokok yang perlu diselesaikan PBB.

Oleh itu, sebab timbul kemarahan dan kekecewaan oleh kelompok yang disifatkan sebagai pengganas juga perlu dikaji dan usaha perlu dibuat untuk menangani `sebab' kemarahan ini.

Sama ada kita bersetuju atau tidak, keganasan yang banyak berlaku di dunia kini, khususnya membabitkan negara Islam ada kaitan soal Palestin.

Seolah-olah menjadi agenda utama Barat dan Amerika semua keganasan dilakukan orang Islam, sekali gus memberikan pelbagai gelaran buruk kepada kelompok Islam seperti pelampau, fundamentalis dan terrorist (pengganas) walaupun pada hakikatnya mereka berjuang mempertahankan hak yang diceroboh seperti di Palestin, Kosovo dan Chechnya.

Walau apapun agama pelaku keganasan, mereka tetap dikatakan pengganas dan perlu dihapuskan, diburu, ditangkap, dibicara dan sewajarnya dihukum.

Perdana Menteri dalam hal ini berkata: "Buat masa ini, Osama bin Laden dan pengikutnya dianggap sebagai pengganas.

"Pada masa ini mereka adalah orang utama disyaki (Amerika) dan mereka harus diburu. Tetapi di sebalik bantahan bahawa perang terhadap pengganas bukan peperangan terhadap Islam, apa yang tidak boleh dinafikan ialah hanya pengganas Islam dijadikan sasaran."

Barat juga perlu tegas dalam soal keganasan dan bukan memilih bulu dalam menetapkan kriteria berkenaan.

Pemimpin Israel, Ariel Sharon - orang bertanggungjawab dalam pembunuhan beribu-ribu rakyat Palestin di Shabra dan Shatilla dan masih menjadi orang di belakang pembunuhan secara teratur rakyat Palestin sekarang - perlu dimasukkan dalam senarai pengganas oleh PBB.

(END)